



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61

27hb Mac 2008

No. 7

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

No. 280.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Khairuddin bin Mustaffa, Pentadbir Tanah Hulu Terengganu pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara dengan ini membuat perintah supaya dijual secara lelong tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut sebagaimana Jadual.

Dan selanjutnya saya membuat perintah—

(a) Bahawa jualan ini hendaklah dengan secara jualan lelongan awam yang akan diadakan pada 8 April 2008 di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu jam 10.00 pagi.

(b) Harga rizab bagi maksud jualan ini ialah:

(i) G.M. 1592, Lot 1459 RM14,000.00.

(ii) H.S.(M) 2426 Lot P.T. 6154 RM15,000.00.

(iii) H.S.(M) 2395 Lot P.T. 5861 RM17,000.00.

2. Saya dapati amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada setakat 31 Mei 2005 ialah RM27,077.16. Nama pemegang gadai ialah Bank Pertanian Malaysia Berhad.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

328

[27hb Mac 2008]

3. Jualan lelong ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:

- (a) Bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit di Pejabat Tanah Hulu Terengganu dalam bentuk Bank Draf atau Cashier Order di atas nama pemegang gadaian bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di para 1(b), di atas iaitu sebanyak i. G.M. 1592, Lot 1459 RM1,400.00, ii. H.S.(M) 2426 Lot P.T. 6154 RM1,500.00 dan iii. H.S.(M) 2395 Lot P.T. 5861 RM1,700.00 masa mendeposit bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 9.45 pagi sahaja.
- (b) Bayaran penuh jualan lelong boleh dibayar serta-merta selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut lelong yang berjaya.
- (c) Di mana penyambut lelong tidak dapat membayar sepenuhnya selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut berjaya maka–
 - (i) Jumlah bayaran yang diterima di para 3 (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan disimpan sebagai deposit hingga bayaran penuh pembelian itu dibayar.
 - (ii) Sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, bayaran yang telah dibayar di para (i) di atas, akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai bagi mengurangkan bayaran hutang yang patut dibayar oleh penggadai kepada pemegang gadaian.
- (d) Baki harga lelongan hendaklah dibayar penuh tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan itu, iaitu tidak lewat dari 8 Ogos 2008 dan tiada masa lanjutan dibenarkan.
- (e) Di mana bayaran penuh tidak dijelaskan pada tarikh yang dinyatakan di para (d), wang dibayar sebagai bayaran deposit di para (c) kepada pemegang gadai akan dirampas dan diagihkan mengikut tatacara seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Hulu Berang. No. Lot/Petak/P.T.—1459, 6154 dan 5861. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1592, H.S.(M) 2426 dan H.S.(M) 2395. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 56/2002.

Bertarikh 18 Februari 2008
[PTHT. 01/53/2005/0002]

KHAIRUDDIN BIN MUSTAFFA
b.p. Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu

No. 281.

Saya, Khairuddin bin Mustaffa, Pentadbir Tanah Hulu Terengganu pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara dengan ini membuat perintah supaya dijual secara lelong tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut sebagaimana Jadual.

Dan selanjutnya saya membuat perintah—

- (a) Bahawa jualan ini hendaklah dengan secara jualan lelongan awam yang akan diadakan pada 7 April 2008 di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu jam 10.00 pagi.
 - (b) Harga rizab bagi maksud jualan ini ialah:
 - (i) G.M. 2958 Lot 4298 RM19,000.00.
2. Saya dapati amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada setakat 30 Julai 2005 ialah RM22,435.12. Nama pemegang gadai ialah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd.
3. Jualan lelong ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:
- (a) Bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit di Pejabat Tanah Hulu Terengganu dalam bentuk Bank Draf atau Cashier Order di atas nama pemegang gadaian bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di para 1(b), di atas iaitu sebanyak RM19,000.00 G.M. 2958 Lot 4298 masa mendeposit bermula jam 8.00 pagi dan sehingga jam 9.45 pagi sahaja.
 - (b) Bayaran penuh jualan lelong boleh dibayar serta-merta selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut lelong yang berjaya.
 - (c) Di mana penyambut lelong tidak dapat membayar sepenuhnya selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut berjaya maka—
 - (i) Jumlah bayaran yang diterima di para 3 (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan disimpan sebagai deposit hingga bayaran penuh pembelian itu dibayar.
 - (ii) Sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, bayaran yang telah dibayar di para (i) di atas, akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai bagi mengurangkan bayaran hutang yang patut dibayar oleh penggadai kepada pemegang gadaian.
 - (d) Baki harga lelongan hendaklah dibayar penuh tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan itu, iaitu tidak lewat dari 7 Ogos 2008 dan tiada masa lanjutan dibenarkan.
 - (e) Di mana bayaran penuh tidak dijelaskan pada tarikh yang dinyatakan di para (d), wang dibayar sebagai bayaran deposit di para (c) kepada pemegang gadai akan dirampas dan diagihkan mengikut tatacara seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

330

[27hb Mac 2008]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Hulu Telemong. No. Lot/Petak/P.T.—4298. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2958. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 63/2004.

Bertarikh 18 Februari 2008
[PTHT. 02/53/2005/0006]

KHAIRUDDIN BIN MUSTAFFA
*b.p. Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu*

No. 282.

Saya, Mohd Zalizan bin Sulong, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan//pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 23 April 2008 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM55,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Lima Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM72,733.61 (11.12.2007). Nama pemegang gadaian RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1 (b) di atas: RM5,500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Lima Ratus sahaja).
 - (b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 21 haribulan Ogos 2008 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kertih. No. Lot—3240. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 268. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2017/2001.

Bertarikh 4 Disember 2007
[PTK. 08/53/2007/0075]

*Pentadbir Tanah
Kemaman*

No. 283.

SAMAN-SAMAN

(Seksyen 261(1)(c))

Di Pejabat Tanah, Kuala Terengganu dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Mayban Allied Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Mohd Mukhtar bin Che Yusuf, Penggadai.

Kepada Mohd Mukhtar bin Che Yusuf K/P. 3035559 yang beralamat di No. 835, Jalan Gajah Mati, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah/tanah yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan gadaian akan diadakan pada 14 April 2008 pukul 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kuala Terengganu. Tuan/puan adalah dikehendaki HADIR.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara, 1965.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

332

[27hb Mac 2008]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu Rakit. No. Lot/Petak/P.T.—6849. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 774. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2211/1973.

Bertarikh 12 Mac 2008
[PTK. Tr. 03/75/2007/0018(6)]

SUHAILAWATI BINTI SAIGAI
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuala Terengganu*

No. 284.

Di Pejabat Tanah, Kuala Terengganu dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Mayban Allied Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Che Yam binti Awang, Penggadai.

Kepada Che Yam binti Awang K.P. 3192138 yang beralamat di Kampung Darat Batu Rakit, 21020 Kuala Terengganu.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah/tanah yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan gadaian akan diadakan pada 14 April 2008 pukul 10.30 pagi di Pejabat Tanah Kuala Terengganu. Tuan/puan adalah dikehendaki HADIR.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Batu Rakit. No. Lot/Petak/P.T.—6844. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 739. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2413/1985; Folio 38; Jilid 7.

Bertarikh 12 Mac 2008
[PTK. Tr. 03/75/2007/0019(6)]

SUHAILAWATI BINTI SAIGAI
*b.p. Pentadbir Tanah
Kuala Terengganu*

No. 285.

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

CIMB Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Sudin bin Abdullah K/P. 7066958, Penggadai.

Kepada Encik Sudin bin Abdullah yang beralamat di No. 4, Taman Selasih II,
24300 Kertih, Kemaman, Terengganu.

AMBIL PERHATIAN, BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah
yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada
Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya
PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan
pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 8 April 2008 (Selasa) pukul
10.30 pagi di Pejabat Tanah Kemaman. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri
siasatan tersebut akan mengakibatkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN
ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kertih. No. Lot—2339 (P.T. 3514). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1708
(H.S.(M) 2500). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar
Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1172/1991; Folio 54; Jilid 4.

Bertarikh 12 Februari 2008
[PTK. 08/53/2008/0004-(3)]

MOHD ZALIZAN BIN SULONG
*b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman*

No. 286.

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

CIMB Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Mohamad Sapiney bin Ismail K/P. A0192861, Penggadai.

Kepada Encik Mohd Sapiney bin Ismail yang beralamat di No. A-46, Rumah
Kerajaan Batu 2 ½, Jalan Air Putih, 24000 Kemaman, Terengganu.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

334

[27hb Mac 2008]

AMBIL PERHATIAN, BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 8 April 2008 (Selasa) pukul 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kemaman. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teluk Kalung. No. Lot—1963 (P.T. 2241). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 992 (H.S.(M) 978). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 512/1989; Folio 28; Jilid 2.

Bertarikh 12 Februari 2008
[PTK. 12/53/2008/0003-(3)]

MOHD ZALIZAN BIN SULONG
*b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman*

No. 287.

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

CIMB Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Mohd Rosli bin Mohamed Nor K/P. 720204-06-5435, Penggadai.

Kepada Encik Mohd Rosli bin Mohamed Nor yang beralamat di No. Lot 3047, Taman Geliga Intan, Jalan Kemaman – Kuantan, 24000 Kemaman, Terengganu.

AMBIL PERHATIAN, BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 8 April 2008 (Selasa) pukul 9.30 pagi di Pejabat Tanah Kemaman. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Banggul. No. Lot—1551. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1154. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 306/2004.

Bertarikh 12 Februari 2008
[PTK. 02/53/2008/0002-(3)]

MOHD ZALIZAN BIN SULONG
b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman

No. 288.

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

(Kali Pertama).

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

RHB Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

Dan

Amdan bin Abu Bakar K/P. 740417-11-5035, Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah Kemaman yang diperbuat pada 4 Disember 2007 adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kemaman.

Akan menjual secara lelongan awam pada 23 April 2008 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian persendirian/rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

Jenis dan No. Hakmilik	:	P.M. 268.
Mukim/Daerah/Negeri	:	Kertih/Kemaman/Terengganu.
Tempat/Lokaliti	:	Perumahan Panalex, Kertih.
No. Lot	:	3240.
Keluasan	:	131 meter persegi.
Cukai Tanah/Tahunan	:	RM10.00.
Tuanpunya Berdaftar	:	Amdan bin Abu Bakar K/P. 740417-11-5035.
Taraf Pegangan	:	Pajakan 99 Tahun.
Tempoh Pajakan	:	—.
Jenis/Kategori Penggunaan Tanah	:	Bangunan.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

336

[27hb Mac 2008]

Syarat Nyata:

- (i) Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja.
- (ii) Di dalam masa dua (2) tahun daripada tarikh tanah ini diberimilik atau di dalam satu masa lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu hendaklah didirikan sebuah bangunan rumah tempat kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Kemaman.

Sekatan Kepentingan:

Tanah yang diberimilik ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik digadai atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang terlebih dahulu diberi kebenaran bertulis oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Catatan dan Kemasukan Lain:

Tanah Orang Melayu.

Bebanan (Pemegang Gadaian):

Digadai kepada RHB Bank Berhad. No. Perserahan 2017/2001 bertarikh 20.8.2001.

Lokasi dan Perihal Tanah:

Hartanah ini terletak di No. 349, Lorong Sepakat 1, Perumahan Panalex, Kertih, Kemaman, Terengganu.

Harga Rizab:

RM55,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Lima Ribu sahaja).

Syarat-syarat Jualan

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang).
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari harga rizab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Kemaman dalam perintah (Borang 16H) atau Perisyiharan Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar/menyerah deposit sebanyak 10% daripada harga rizab iaitu selewat-lewatnya 60 minit sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran depositnya (3) hendaklah dalam bentuk bank draf (sahaja) kepada pemegang gadaian dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan di sebelah belakang bank draf berkenaan.
5. Penyambut yang berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar/menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit sepuluh (10) peratus daripada harga pembelian/tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf/wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu tamat.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

27hb Mac 2008]

337

-
6. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jual beli dengan penyaksian.
 7. Baki harga tawaran/pembelian (90%) hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari mulai tarikh perjanjian jual beli dibuat. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah melanggar perjanjian jual beli dan wang deposit 10% akan dirampas dan akan digunakan/diaghikhan mengikut seksyen 267 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001.
 8. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran gantirugi dibenarkan mengenainya.
 9. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga belian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh pembeli.

Bertarikh 13 Februari 2008
[PTK. 08/53/2007/0075]

MOHD ZALIZAN BIN SULONG
b.p. Pentadbir Tanah
Kemaman

No. 289.

(Kali Kedua)

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd., Pemegang Gadaian.

Dan

Mahat bin Muda K/P. 530609-11-5085, Penggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 8 November 2007 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 7 April 2008 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik : G.M. 2958.

No. P.T. : 4298.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

338

[27hb Mac 2008]

Cukai Tahunan	:	RM24.00.
Keluasan Tanah	:	2392 meter persegi.
Mukim	:	Hulu Telemong.
Tempat	:	Kampung Pasir Dula.
Pegangan	:	Kekal/Selama-lamanya.
Kawasan Rizab	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Bangunan.
Pemilik Berdaftar	:	Mahat bin Muda K/P. 530609-11-5085.

Syarat Nyata:

Rumah Kediaman.

- i. Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata bagi tapak sebuah rumah kediaman sahaja dan tidak boleh sekali-kali digunakan sebagai tapak rumah kedai.
- ii. Di dalam masa (2) tahun daripada tarikh kebenaran penukaran jenis penggunaan tanah ini diluluskan hendaklah didirikan sebuah rumah tempat kediaman menurut bagaimana pelan yang diluluskan oleh Jumaah Bandaran, Hulu Terengganu.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

No. Bilangan Perserahan 623/2004.

Lokasi dan Perihal Hakmilik:

Tanah ini terletak 27.2 km dari Bandar Kuala Berang.

Harga Rizab:

RM19,000.00.

Bertarikh 18 Februari 2008
[PTHT. 02/53/2005/0006]

KHAIRUDDIN BIN MUSTAFFA
b.p. Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu

No. 290.

(Kali Ketiga)

Dalam perkara seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Bank Pertanian Malaysia Berhad, Pemegang Gadaian.

Dan

Hazizah binti A. Rahman K/P. 540423-11-5249, Penggadai.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

27hb Mac 2008]

339

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 21 November 2006 adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 8 April 2008 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	G.M. 1592.
No. Lot	:	1459.
Cukai Tahunan	:	RM16.00.
Keluasan Tanah	:	0.7892 hektar.
Mukim	:	Hulu Berang.
Tempat	:	Bukit Rotan Kong Lubok Periok.
Pegangan	:	Kekal/Selama-lamanya.
Kawasan Rizab	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Pertanian.
Pemilik Berdaftar	:	Hazizah binti A. Rahman K/P. 4894327.

Syarat Nyata:

Getah.

Sekatan Kepentingan:

Tiada.

Bebanan:

No. Bilangan Perserahan 56/2002.

Lokasi dan Perihal Hakmilik:

Tanah ini terletak 28.2 km dari Bandar Kuala Berang.

Harga Rizab:

RM14,000.00.

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	H.S.(M) 2426.
No. P.T.	:	6154.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

340

[27hb Mac 2008]

Cukai Tahunan	:	RM10.00.
Keluasan Tanah	:	1 hektar.
Mukim	:	Hulu Berang.
Tempat	:	Alur Celah.
Pegangan	:	Kekal/Selama-lamanya.
Kawasan Rizab	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Pertanian.
Pemilik Berdaftar	:	Hazizah binti A. Rahman K/P. 4894327.

Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Bebanan:

No. Bilangan Perserahan 56/2002.

Lokasi dan Perihal Hakmilik:

Tanah ini terletak 28.2 km dari Bandar Kuala Berang.

Harga Rizab:

RM15,000.00.

Dan

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	H.S.(M) 2395 (P.M. 342).
No. P.T.	:	5861 (4372).
Cukai Tahunan	:	RM12.00.
Keluasan Tanah	:	1.252 hektar.
Mukim	:	Hulu Berang.
Tempat	:	Alur Celah, Lubuk Periok.
Pegangan	:	Pajakan 99 Tahun.
Kawasan Rizab	:	Tanah Orang Melayu.
Kategori Kegunaan Tanah	:	Pertanian.
Pemilik Berdaftar	:	Hazizah binti A. Rahman K/P. 540423-11-5249.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

27hb Mac 2008]

341

Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Bebanan:

No. Bilangan Perserahan 56/2002.

Lokasi dan Perihal Hakmilik:

Tanah ini terletak 28.2 km dari Bandar Kuala Berang.

Harga Rizab:

RM17,000.00.

Bertarikh 18 Februari 2008
[PTHT. 01/53/2005/0002]

KHAIRUDDIN BIN MUSTAFFA
b.p. Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu

No. 291.

PEMBERITAHU-PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Bahawa diberitahu kepada orang ramai (Orang-orang Melayu sahaja) sebagai takrif dalam Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang Melayu Terengganu (No. 17/1360) iaitu Pejabat Tanah Dungun akan menjual tanah kerajaan P.T. 8552 di Kampung Rantau Panjang, Mukim Jerangau, Dungun.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada 14 April 2008 (Isnin) jam 10.00 pagi bertempat di Sudut Lelongan Awam, Pejabat Tanah Dungun.

3. Kenyataan Tanah:

- a. Kawasan : Kampung Rantau Panjang, Mukim Jerangau, Dungun.
- b. No. P.T. : 8552.
- c. Keluasan Sementara : 1000 meter persegi.
- d. Harga Permulaan Lelongan : RM1,500.00 satu lot
Menurut Peraturan 9
Peraturan Tanah Terengganu 1966
Pindaan 1993
- e. Cukai Tanah : RM1.00 setiap 100 meter persegi
Tertakluk kepada minimum RM10.00
satu lot
Menurut Peraturan 12(2)(A)(i)
Peraturan Tanah Terengganu 1966
Pindaan 1993. (RM10.00)

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

342

[27hb Mac 2008]

f. Bayaran Pejabat	: RM40.00 satu lot Menurut Peraturan 20(1) 2 & 3 (c)- Peraturan Tanah Terengganu, 1966 Pindaan 1987.
g. Bayaran Upah Ukur	: RM200.00.
h. Tanda Sempadan	: RM20.00.
i. Persediaan Pelan	: RM5.00.
j. Bayaran Perwartaan	: RM120.00. <hr/> RM1,895.00
k. Penggunaan Tanah	: Bangunan.
l. Suratan Hakmilik	: Pajakan Mukim 60 Tahun.

4. Syarat Nyata:

- i. Hendaklah didirikan bangunan kediaman sahaja.
- ii. Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah Dungun hendaklah didirikan dan disiapkan dengan sempurna bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

5. Sekatan Kepentingan:

- i. Tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik, dan pajak dalam tempoh 10 tahun daripada ianya diberimilik.
- ii. Tanah ini tidak dibenarkan gadai dalam tempoh 10 tahun daripada ianya diberimilik kecuali bagi pinjaman mendirikan rumah di atas tanah tersebut sahaja setelah mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Dungun.
- iii. Selepas tempoh (i) dan (ii) di atas, tanah ini tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Dungun.

6. Syarat-syarat lelong adalah sebagaimana yang ditetapkan mengikut Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, 1966:

- i. Pentadbir Tanah berhak membatal atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.
- ii. Penyambut yang tertinggi sekali itulah yang menjadi pembeli, asalkan tawaran itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga tanah permulaan (Harga Rezab).
- iii. Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 2 (e, f, g, h, i, j) di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula.

- iv. Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari keseratus dua puluh (120) hari daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putuslah pembeliannya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu, maka hilanglah wang deposit tersebut kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang gagal itu hilang tuntutan ke atas wang deposit dan tanah itu.
 - v. Keterangan hakmilik hendaklah didaftar dan dikeluarkan dengan seberapa segera selepas disempurnakan jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur, maka hendaklah dikeluarkan Keterangan Hakmilik Sementara.
 - vi. Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.
7. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut taksiran di bawah Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang Melayu 1360H.
8. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Dungun.

Bertarikh 24 Januari 2008
[PTD. 05/15/2002/0144-(19)]

NORLIZA BINTI ISMAIL
